

Jalinan akrab 1Malaysia

UB 03-08-2012 B1

LEBIH 600 kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Hj. Mahiruddin, baru-baru ini. Majlis tersebut yang berlangsung di perkarangan Masjid UMS, selaras konsep 1Malaysia apabila ia turut diimarahkan bersama oleh kakitangan dan pelajar berbilang kaum dan agama. Ketibaan Yang Dipertua

Negeri, yang juga Canselor UMS, disambut oleh Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Selepas bersalaman, Juhar turut berkenan beramah mesra dengan kakitangan dan pelajar UMS yang hadir.

Kesemua kakitangan dan pelajar ternyata begitu ceria menyambut kehadiran Yang Dipertua Negeri. Peluang untuk bersua muka dan bersalaman dengan tetamu istimewa itu bagaikan satu berkat, apatah lagi dalam

satu majlis berbuka puasa sempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Sebelum berbuka puasa, Juhar turut menyampaikan sumbangan raya daripada UMS bernilai RM200 kepada siswa siswi yang kurang bernasib baik.

Ia disusuli penyampaian Zakat dari Pusat Zakat Sabah kepada UMS yang diwakili oleh Prof. Dr. Harun sendiri.

Sumbangan tersebut yang bernilai RM8,000 bertujuan untuk diserahkan kepada

pelajar dan kakitangan UMS yang kurang berkemampuan, termasuk mereka yang terdiri daripada golongan anak yatim, saudara baru, berpendapatan rendah, balu dan ibu tunggal.

Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, jelas dirasai apabila rata-rata kakitangan dan pelajar yang bukan beragama

TUN Juhar bersalaman dengan kakitangan UMS.



TUN Juhar berkenan menyampaikan sumbangan raya dari UMS kepada pelajar UMS yang kurang berkemampuan.



WAKIL dari Pusat Zakat Sabah yang juga Pengarah JHEAINS, Datuk Amri A. Suratman (kiri) menyampaikan sumbangan zakat bernilai RM8000 kepada Harun sambil disaksikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said (kanan).

Islam turut memakai pakaian lengkap baju Melayu.

Bagi lelaki ada yang segak bersamping, manakala yang wanitanya pula ayu dengan mengenakan pakaian baju kurung, sekaligus menampilkan ciri-ciri kelembutan semulajadi dalam diri kaum hawa ini.

Ketika azan maghrib berkumandang, kesemua hadirin yang beragama Islam bersama-sama Yang Dipertua Negeri berbuka puasa, sambil diikuti bersama oleh kakitangan dan pelajar lain yang bukan beragama Islam.

Keunikan perpaduan kaum jelas terserlah dengan kesepaduan dan kemuafakatan yang ditunjukkan berbanding beberapa lapisan masyarakat di negara lain yang sukar hidup harmoni dalam satu rumpun.

Selepas berbuka dengan kurma, kuih muih dan air sirap, Yang Dipertua Negeri kemudian menunaikan solat fardhu maghrib bersama kaum muslimin di Masjid UMS yang tersergam indah.

Selesai menunaikan kewajipan tersebut, Yang Dipertua Negeri seterusnya kembali menyambung jamuan makan bersama semua hadirin.

Makanan yang terhidang ternyata begitu menyelerakan apatah lagi bagi golongan kaum Muslimin dan Muslimat yang sudah sehari berpuasa.

Makanan disantap satu persatu untuk mengembalikan semula tenaga sebagai persediaan untuk menunaikan ibadah puasa untuk hari berikutnya selain bersahur pada waktu subuh.

Selesai menikmati juadah, hadirin berehat sebentar sementara menantikan laungan azan isyak di udara.

Kaum Muslimin dan Muslimat kemudiannya sekali lagi bersama-sama Yang Dipertua Negeri mengerjakan solat fardhu Isyak serta solat sunat Tarawih secara berjemaah di masjid tersebut.

Jelas terpancar keceriaan di wajah mereka atas kesempatan untuk bersama-sama berbuka sekaligus menunaikan Solat Maghrib dan Terawih.

Majlis berbuka puasa bersama Juhar itu turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh, Ahli Lembaga Pengarah UMS, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Datuk Amri A. Suratman dan Pegawai-pegawai Utama UMS.